

**AKTIVITI EKONOMI
TIDAK FORMAL RENTAS SEMPADAN:
IMPLIKASI KE ATAS HUBUNGAN DUA HALA
MALAYSIA-INDONESIA**



**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014AKTIVITI EKONOMI**

**TIDAK FORMAL RENTAS SEMPADAN:
IMPLIKASI KE ATAS HUBUNGAN DUA HALA
MALAYSIA-INDONESIA**

EMILIA. R



**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

_____IJAZAH : _____

_____SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, petikan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

7 Februari 2014

Emilia. R
PA20118136



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **EMILIA. R**
NO MATRIK : **PA2011-8136**
TAJUK : **AKTIVITI EKONOMI TIDAK FORMAL RENTAS
SEMPADAN: IMPLIKASI KE ATAS HUBUNGAN DUA
HALA MALAYSIA-INDONESIA**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA (HUBUNGAN ANTARABANGSA)**
TARIKH VIVA : **7 FEBRUARI 2014**

DISAHKAN OLEH



1. PENYELIA UTAMA

Dr. Zaini Othman



2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Madya Dr. Kntayya Mariappan

ABSTRAK

Malaysia-Indonesia selain negara berjiran kedua negara ini banyak sekali persamaan seperti budaya dan juga agama. Namun, kedua-dua negara ini seringkali berhadapan dengan berbagai konflik semenjak awal kemerdekaan. Seperti terjadinya konfrontasi, perebutan pulau Sipadan-Ligitan, permasalahan blok Ambalat, isu pendatang tanpa izin, tenaga kerja dan budaya. Kepelbagaiannya konflik ini merupakan cabaran besar bagi hubungan kedua-dua negara ini, apatah lagi bahawa konflik ini difahami dan dilihat secara emosional oleh kerana media massa sering memberikan liputan meluas tentang isu-isu yang dihadapi. Suasana ini merupakan salah satu punca ketegangan antara kedua-dua negara ini. Oleh kerana itu, kajian ini dijalankan untuk membincangkan hubungan positif antara kedua negara ini, dengan mengambil kajian kes pada peringkat mikro iaitu melalui aktiviti ekonomi tidak formal merentas sempadan yang terjalin antara komuniti Tawau-Nunukan. Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Dimana para penggiat aktif aktiviti ini merupakan sumber dominan informan bagi pengkaji. Akhirnya kajian ini mendapati bahawa dalam konteks kajian atau penelitian tentang aspek dua hala (*bilateral*) didalam disiplin ilmu hubungan antarabangsa, fokus penelitian tidak semestinya tertumpu pada aras makro semata-mata. Malah kajian ini menunjukkan bahawa hubungan kedua-dua negara ini pada peringkat mikro iaitu kepada komuniti Tawau-Nunukan berada dalam keadaan harmoni. Dalam kehidupan seharian kedua-dua komuniti di sempadan ini mempunyai sikap saling mempercayai antara satu sama lain dan saling bekerjasama dalam urusan ekonomi yang bersifat tidak formal. Hubungan peringkat mikro ini tidak terjejas walaupun pelbagai isu bersifat konflik muncul di peringkat makro antara kedua-dua negara ini.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACTS

INFORMAL ECONOMIC AKTIVITIES AT THE CROSS-BORDER: THE IMPLILATIONS TO THE BILATERAL RELATIONSHIP OF MALAYSIA-INDONESIA

Malaysia and Indonesia are not just a neighboring country, but also have extensive similarities such as cultures and religions. Ironically, despite so many similarities both states are often compounded and confronted with an impasses bilateral issues such as territorial disputes, cultural originality, political confrontation 1964, illegal immigrants and the most recent ones is over lapping claim over the sovereignty of Ambalat blocks. The so-called unending bilateral issues between both countries has in many ways jeopardize and in certain extent stagnant the positive bilateral relations between the two states. Often than not, the entangled bilateral issue between the two states has been emotionally settled and confronted within mass-media whom often provide an extensive coverage of the issues faced by both countries. This attitude is one of the major factors that lead and stamp the negative images of bilateral relations between two states. This study aims to discuss and analysis the bilateral relations between the two countries from micro level analysis, vis-à-vis, among the citizens of two states living at the border. Among others questions that this research trying to address is to what extent that the negative images of bilateral relations at the macro level between Malaysia-Indonesia does effected the socio-political relations of Malaysia-Indonesia citizens living at the border? If it does, than to what extent? Taking Tawau-Nunukan border community of Malaysia-Indonesia as a case study as well as theirs non-informal economics activities, this study—both qualitatively and quantitatively—locates the study within the framework of International Relations disciplines. This study found that within the context of international relations framework particularly concerning bilateral relations study, the holistic approaches has to be taken into account in order to establish the exact pictures of the state of bilateral relations between to states. This study shown that the bilateral relation between Malaysia-Indonesia does have is positive images as well as a degree of harmony at micro level. The micro level border community of Tawau-Nunukan proves such thesis.

PENGHARGAAN

Syukur Kepada Tuhan yang Maha Esa karena dengan limpah dan karunia-Nya saya berpeluang membuat kajian mengenai aktiviti ekonomi tidak formal dalam kalangan komuniti sempadan negara Malaysia-Indonesia tepatnya di wilayah Tawau dan Nunukan pada peringkat Ijazah Sarjana ini.

Jutaan terima kasih dan penuh syukur saya kepada Dr. Zaini Othman sebagai penyelia utama dan Prof Madya Dr. Kntayya Mariappan sebagai penyelia bersama yang mana begitu sabar dan tabah dalam membimbing, tunjuk ajar dan nasihat sepanjang perjalanan penulisan tesis ini serta motivasi dan kepercayaan adalah kekuatan bagi saya mengerjakan tesis ini hingga selesai.

Terima kasih sebesar-besarnya pula kepada mantan Dekan Sekolah Sains Sosial iaitu Prof. Madya. Inon Shaharuddin A. R dengan suka cita menyambut saya dan kawan-kawan pada masa awal kedatangan di Sekolah Sains Sosial 2011. Begitu pula terima kasih kepada Dekan yang sekarang ini iaitu Prof. Dato' Mohd Hamdan Adnan, timbalan-timbalan dekan, pensyarah-pensyarah dan kakitangan Sekolah Sains Sosial karena selalu sedia membantu dengan segera dan iklas dalam semua urusan akademik.

Kepada dan adik beradik yang sangat saya kasih: Kadri (Kakak Yie), Sekadar, Sarianto (Kakak Ker), Nasrin (Kayeq), Berta Lena, Imanuel R S. Kom, Samuel R S.H, Joni R S.Sos, Nani Julita Sarjana Pendidikan serta adik Esra, terima kasih telah menjadi adik beradik yang luar biasa, sokongan serta dorongan semangat yang tak henti-hentinya di sampaikan selama ini. Teristimewa untuk Ibu yang tidak henti-hentinya berdoa bagi keberhasilan selama proses pendidikan ini, bukan sahaja kepada pendidikan namun kepada seluruh sisi kehidupan seperti keselamatan serta kesihatan. Besar syukur kepada Tuhan sebab karuniakan keluarga yang sederhana namun luar biasa dan bijak. Oleh kerana doa ibu serta sokongan adik beradik, sampailah saya ke tahap sekarang ini dan boleh berjumpa dengan orang-orang hebat terutama dalam proses pendidikan ini. Pendidikan ini adalah kepunyaan keluarga.

Bahagia telah berjumpa dengan kawan-kawan baru di Sekolah Sains Sosial seperti bang Khair, Razak, Eko, Pak Tam, Am, Nasir, Din, Alex, Siti, Asri, Emaries, Stella, Yani dan ramai lagi, besar syukur saya berada di sini dan berjumpa kawan-kawan semua, maaf apabila ada kesalahan selama menjalani proses pendidikan ini. Buat saudara-saudara serantauan daripada Kaltim Cemerlang iaitu pak Awang, Pak Havil, pak Hendra, pak Irman, Iham, Rudiman, Mba Eny, Mba Uci, Ika Fristiawati dan Dewi Herviani, terima kasih atas segala pertolongan serta kasih sayang serta keiklasan dalam menjalani proses atau urusan pendidikan di tanah rantauan ini.

EMILIA. R
Hubungan Antarabangsa,Sekolah Sains Sosial.
Universiti Malaysia Sabah.
2014.

SENARAI KANDUNGAN

Halaman

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI GAMBAR	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	ixx

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	3
1.5 Kajian Lepas	3
1.6 Metodologi Kajian	15
1.7 Kronologi Penyelidikan Pengkaji	19
1.8 Kawasan Kajian	30
1.8.1 Tawau-Nunukan	31
1.8.2 Hubungan Tawau-Nunukan	32
1.8.3 Wilayah Tawau	34
1.8.4 Wilayah Nunukan	38
1.9 Skop Kajian	41
1.10 Kepentingan Kajian	41
1.11 Pembahagian Bab	42
1.12 Kesimpulan	43

BAB 2: HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA-INDONESIA: PERTIMBANGAN KONSEPTUAL

2.1 Pengenalan	45
2.2 Hubungan Dua Hala	45
2.3 Malaysia-Indonesia	51
2.4 Ekonomi Tidak Formal	55
2.5 Sempadan dan Komuniti Sempadan	63
2.6 Kesimpulan	70

BAB 3: TAWAU-NUNUKAN DAN FENOMENA EKONOMI TIDAK FORMAL	
3.1 Pengenalan	71
3.2 Aktiviti Ekonomi tidak formal di sempadan Tawau-Nunukan	72
3.2.1 Laluan Barang	77
3.2.2 Fungsi Barang Belanjaan	84
3.2.3 Jenis Barang	98
3.3 Kesimpulan	102
BAB 4: AKTIVITI TIDAK FORMAL TAWAU-NUNUKAN: ANALISIS DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	104
4.2 Faktor Penyokong Aktiviti Ekonomi Tawau-Nunukan	104
4.2.1 Kedudukan Geografi Tawau-Nunukan	105
4.2.2 Kesamaan Budaya	111
4.2.3 Kemudahan Merentasi Sempadan	115
4.2.4 Keperluan Asas	120
4.2.5 Adanya Kepercayaan dan Kerjasama yang Baik	123
4.3 Kesimpulan	125
BAB 5: AKTIVITI EKONOMI TIDAK FORMAL RENTAS TAWAU-NUNUKAN: IMPLIKASI KE ATAS HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA-INDONESIA	
5.1 Pengenalan	127
5.2 Implikasi Aktiviti Ekonomi Tidak Formal	127
5.2.1 Membuka Peluang Pekerjaan	128
5.2.2 Mempererat Hubungan Sosial	132
5.2.3 Keuntungan	134
5.2.4 Organisasi Para Penggiat Aktif Rentas Sempadan	136
5.3 Implikasi kepada Kerajaan	140
5.4 Kesimpulan	150
BAB 6: KESIMPULAN	
6.1 Kesimpulan	152
6.1 Sintesis Kajian	156
RUJUKAN	159

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 1.1	Kedudukan Tawau-Kab.Nunukan (Peta)
Gambar 4.1	Agen Kapal Motor, Tawau
Gambar 4.2	Agen Kapal Motor, Nunukan
Gambar 5.1	Hasil Bumi daripada Pulau Sebatik
Gambar 5.2	Keadaan Pelabuhan Tawau
Gambar 5.3	Muat Turun barang di Pelabuhan Sei, Bolong



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL


	Halaman	
Jadual 1.1	Senarai Informan	25
Jadual 1.2	Luas Kawasan Tawau	34
Jadual 1.3	Jumlah Penduduk, Tawau	36
Jadual 1.4	Senarai Nama Kampung di Wilayah Tawau	37
Jadual 1.5	Luas Wilayah, Nunukan	38
Jadual 2.1	Kategori Sektor Tidak Formal Memperolehi Penghasilan	58
Jadual 2.2	Fungsi Kawasan Kajian	65
Jadual 3.1	Nilai Barang Import-Eksport	79
Jadual 3.2	Senarai Barang laluan Tawau-Sebatik, Nunukan	82
Jadual 3.3	Senarai barang eksport-import Laluan Tawau-Nunukan	99
Jadual 3.4	Jumlah barang Ekport-Import	101



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman	
LAMPIRAN A	Soalan Kajian	167
LAMPIRAN B	Data Gambar	169
LAMPIRAN C	Surat Kajian Lapangan	179
LAMPIRAN D	Slip Belanja Penggiat Aktif	191
LAMPIRAN E	Peta Malaysia-Indonesia	197



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tesis ini membincangkan hubungan dua hala negara yang melibatkan sempadan antarabangsa, komuniti sempadan dan aktiviti ekonomi tidak formal. Hubungan dua hala negara, selalunya membincangkan hubungan antara negara pada peringkat makro iaitu hubungan antara negara-negara seperti kerajaan dengan kerajaan. Walhal, hubungan antarabangsa telahpun merangkumi berbagai aspek kehidupan masyarakat baik politik, ekonomi, sosial dan budaya (Rudy, 2003:2).

Menyedari kenyataan tersebut, kajian ini merungkai salah satu aspek dari hubungan dua hala negara antara Malaysia-Indonesia. Namun, melihat kepada peringkat mikro, iaitu melalui aktiviti ekonomi tidak formal merentasi sempadan negara dalam kalangan komuniti Tawau, Malaysia dengan Nunukan, Indonesia. Oleh itu, kajian ini mengenal pasti aktiviti ekonomi tidak formal yang terjalin antara kedua-dua komuniti sempadan, serta faktor serta implikasi hubungan komuniti sempadan ini kepada kedua-dua negara. Singkatnya adalah kajian ini mencuba untuk meneliti aspek hubungan dua hala Malaysia-Indonesia pada peringkat mikro dengan menggunakan lensa aktiviti ekonomi tidak formal dalam kalangan komuniti sempadan Tawau-Nunukan.

Aktiviti ekonomi tidak formal dalam kajian ini merangkumi aktiviti ekonomi komuniti sempadan Tawau-Nunukan bagi memenuhi keperluan asas kehidupan seperti keperluan harian mereka. Bukan kepada aktiviti ekonomi tidak formal yang merangkumi penyeludupan dadah mahupun senjata. Oleh yang demikian, kepentingan kajian ini adalah merungkai aktiviti ekonomi tidak formal yang terjalin dalam kalangan komuniti sempadan Tawau-Nunukan, yang mana boleh memberikan implikasi kepada hubungan dua hala Malaysia-Indonesia amnya dan khasnya bagi komuniti tempatan itu sendiri.

1.2 Permasalahan Kajian

Apabila diperhatikan lagi dalam kajian hubungan antarabangsa atau hubungan dua hala secara am, selalunya membincangkan perkara-perkara pada peringkat makro¹ iaitu peringkat negara (kerajaan dengan kerajaan). Sebaliknya, sangat jarang sekali melihat hubungan-hubungan pada peringkat mikronya.² Menyedari hal ini, kajian ini mencuba melihat hubungan dua hala pada peringkat mikro iaitu kepada kehidupan warganegaranya. Kajian ini dijalankan pada kawasan sempadan negara antara Malaysia dan Indonesia. Malaysia-Indonesia merupakan negara jiran yang memiliki banyak sekali kesamaan. Kesamaan ini selalunya dikaitkan dengan bangsa Melayu kedua-dua negara dan semua ini tentu sahaja tidak lepas daripada hubungan-hubungan terdahulu kedua-dua negara ini (Liow, 2005).

Hubungan Malaysia-Indonesia di kenal dengan sebutan negara serumpun, sebab kedua negara ini memiliki banyak kesamaan akan budaya dan juga agama (Rohani Ghani, 2010:224). Namun, kedua-dua negara ini banyak dihadapkan oleh berbagai konflik seperti perebutan pulau Sipadan-Ligitan, blok Ambalat, permasalahan tenaga kerja, isu pendatang tanpa izin (PATI) dan juga *claim* budaya. Berbagai isu konflik ini merupakan cabaran besar bagi hubungan kedua-dua negara ini dan tambah lagi bahawa isu konflik ini dipahami dan dilihat secara emosional (Abubakar, 2008:2). Oleh itu kedua-dua negara ini begitu sensitif.

Terdapat banyak sekali perkara yang dapat dibincangkan atau di kaji dari hubungan diplomatik Malaysia-Indonesia, terutama kepada konflik yang berlaku. Perbincangan akan kenegaraan ini merupakan perbincangan para disiplin hubungan antarabangsa. Oleh itu, kajian ini melihat sisi lain dari kajian-kajian hubungan hubungan antarabangsa secara amnya. Kajian ini melihat kehidupan harian masyarakat yang berada di wilayah sempadan kedua-dua negara iaitu iaitu antara

¹ Peringkat makro dalam kajian ini bermaksud iaitu hubungan antarabangsa pada peringkat negara. Dimana hubungan-hubungan yang terjalin, hanyalah melibatkan perkara-perkara besar dan ditangani oleh pihak kerajaan, baik hubungan yang positif maupun hubungan negatif.

² Maksud peringkat mikro dalam kajian ini pula adalah hubungan yang terjalin antara negara namun bukan pihak antara kerajaan-kerajaan, tetapi hubungan-hubungan yang terjalin dalam berbagai-bagai interaksi antara warganegara yang berbeza kewarganegaraan.

komuniti Tawau, Malaysia dengan Nunukan, Indonesia dengan memfokuskan kepada aktiviti ekonomi tidak formal.

1.3 Persoalan Kajian

Oleh permasalahan kajian diatas, maka terdapat persoalan utama dalam kajian ini, iaitu;

1. Sejauh manakah aktiviti ekonomi tidak formal dalam kalangan komuniti Tawau-Nunukan memberikan implikasi simbolis terhadap hubungan dua hala Malaysia-Indonesia?
2. Adakah elemen sosio-budaya yang menyokong aktiviti ekonomi tidak formal ini?
3. Implikasi setempat yang timbul daripada aktiviti ekonomi tidak formal?

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan tiga persoalan yang di atas, maka tiga objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini, adalah:

1. Meneliti aktiviti ekonomi sektor tidak formal merentasi sempadan dalam kalangan komuniti sempadan Tawau-Nunukan.
2. Mengenalpasti faktor penyokong aktiviti ekonomi tidak formal merentasi sempadan di kalangan komuniti sempadan Tawau-Nunukan.
3. Meneliti implikasi aktiviti ekonomi ini ke atas hubungan dua hala Malaysia-Indonesia, terutama komuniti tempatan.

1.5 Kajian Lepas

Terdapat banyak sekali kajian mengenai hubungan dua hala Malaysia-Indonesia, apatah lagi dalam membincangkan Malaysia-Indonesia pada peringkat makro. Terdapat kajian antara hubungan Malaysia-Indonesia dengan memberikan pandangan sejarah serumpun dalam menangani hubungan kedua-dua negara pada masa sekarang ini. Salah satunya kajian Rohani & Zulhilmi (2010), yang membincangkan mengenai hubungan Malaysia-Indonesia. Para pengkaji mengharapkan kedua-dua negara memperkasakan hubungan dua hala dengan memupuk usaha sama strategik melampaui paksi tradisional. Keakraban hubungan mempunyai potensi membangun semula sejarah harmoni dunia Melayu yang

pernah wujud satu ketika dahulu. Ternyata sekali pengurusan politik dan polisi dalam kedua-dua buah negara mampu memberikan kesan yang besar dalam penerusan hubungan Malaysia dan Indonesia dalam dekad-dekad yang akan datang. Dengan kata lain peranan pihak elit politik sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia memberikan kesan yang besar dalam penerusan hubungan kedua-dua buah negara. Perkara yang paling penting iaitu supaya dalam mengejar kepentingan ekonomi, menuju kemajuan negara dan keutuhan wilayah, hubungan "adik-beradik" yang berkonsepkan bangsa serumpun ini mampu terus bertahan (Rohani & Zulhimi, 2010:245)

Adapun karya tulis yang berkaitan erat dengan hubungan Malaysia-Indonesia iaitu daripada Musafir dan Abubakar 2009 dalam tulisan mereka yang bertajuk "*Quo-vadis Kekerabatan Malaysia-Indonesia*" mengatakan bahawa prinsip kekerabatan atau Kinship dipandang penting dalam hubungan dua hala negara serumpun Malaysia-Indonesia. Dalam konteks kedaulatan sebagai negara merdeka, Kinship ini tidak bermakna, namun dalam konteks kerjasama kawasan, prinsip keserumpunan sebenarnya merupakan salah satu cara yang dapat meningkatkan kerjasama, baik antara Malaysia dengan Indonesia mahupun dalam kerjasama ASEAN. Penulis juga melihat bahawa kekerabatan ini dapat menjadi landasan kerjasama Malaysia-Indonesia untuk masa yang panjang. Dengan prinsip serumpun kedua-dua negara dapat membuat suatu visi untuk membangun kesejahteraan bersama. Dalam menggunakan konsep kekerabatan ini penulis dapat mengatasi kesenjangan (*gap*) dan jurang perbezaan di antara kedua-dua negara berdaulat ini dan potensi yang dapat dikembangkan dari konsep kekerabatan yang memang sudah ada sejak lama di kedua-dua negara ini. Bagi menjawab soalan ini, penulis telah mengakui bahawa konsep kekerabatan memang memiliki kegunaan terbatas dalam hubungan kedua-dua negara terutama yang berkaitan dengan kedaulatan negara. Ia lebih tepat dilihat sebagai sebuah alat diplomasi dalam hubungan kedua-dua negara dan bukan sebagai tujuan, penulis juga telah mengatakan bahawa konsep kekerabatan cenderung tidak berlaku dan kehilangan makna ketika kedua-dua negara menegakkan kedaulatan. Namun sebagai alat diplomasi, dalam keadaan tertentu, kekerabatan berkembang menjadi bahagian daripada kultur strategik (*strategic culture*) dalam hubungan kedua-dua negara. Hubungan

kekerabatan juga bisa menjadi landasan bagi pengembangan visi strategik untuk menghadapi cabaran globalisasi di hadapan kedua-dua negara.

Kinship atau kekerabatan ini iaitu bersifat persaudaraan yang ditandai dengan persamaan budaya dan juga keturunan. Dalam konteks Malaysia-Indonesia, konsep kekerabatan abang-adik atau teman dalam suka duka berkaitan dengan konsep budaya yang pada saat ini mulai menjadi perhatian para pengkaji studi hubungan antarabangsa. Namun, konsep kekerabatan sering disalah mengerti sebagai pengaruh langsung terhadap hubungan dua negara. Penulis menunjukkan bahawa, konsep ini mestinya diletakkan dalam suatu konteks mengapa ia menjadi penting, tidak penting atau berpotensi untuk menjadi penting. Ia menjadi penting tergantung interpretasi dominan yang tercipta pada satu masa dan konteks tertentu. Sejauh ini terdapat dua interpretasi tentang konsep kekerabatan iaitu konsep ini sebagai sebuah situasi nyata dengan analogi keluarga dan di anggap signifikan dalam hubungan kedua-dua negara. Kedua konsep ini secara dinamik sebagai sesuatu yang selalu berkembang dengan interpretasi yang berbeza, baik di Indonesia maupun di Malaysia.

Dalam tulisan ini, kekerabatan akan ditempatkan dalam konteks kerangka penguatan kedaulatan dan dalam pembentukan budaya strategik oleh kedua-dua negara. *Kinship* dengan kata-kata Melayu adalah satu faktor yang tidak mendapatkan tempat dalam penguatan kedaulatan negara, namun ia dalam pengertian luas kekerabatan antara negara mempunyai potensi dalam pembentukan *strategic culture* kedua-dua negara, terutama sebagai alat dalam berdiplomasi regional.

Kajian di atas memperlihatkan bahawa terdapatnya prinsip yang penting dalam hubungan dua hala Malaysia-Indonesia. Namun, ia jarang di bahas secara spesifik. Itu kerana konsep ini di anggap biasa dan bahkan tidak memiliki kekuatan untuk menghadapi keadaan hubungan kedua-dua negara apalagi permasalahan yang berkaitan dengan kedaulatan apatah lagi konflik. Namun, pengkaji menggunakan konsep ini untuk melihat hubungan kedua-dua negara ini pada masa yang jauh ke hadapan. Oleh kerana itu, walaupun pada masa sekarang makna

akan negara serumpun semakin memudar seiring dengan keperluan untuk memajukan negara masing-masing, namun kedua negara ini tidak dapat memungkiri bahawa latar belakang kedua-dua negara ini adalah sememangnya adalah serumpun iaitu kedua-dua negara memiliki kaitan darah (blood-brotherhood), budaya dan hubungan darah. Oleh sebab itu, bagi melihat hubungan dua hala Malaysia-Indonesia jauh kehadapan, konsep kekerabatan ini dapat diambil kira. Walaupun, konsep kekerabatan ini sememangnya tidak dapat mencegah konflik kedua negara, namun ia boleh menjadi alat bagi berdiplomasi semasa kedua-dua negara tengah menghadapi masalah dan boleh jadi landasan kedua-dua negara untuk masa yang panjang. Selain itu juga prinsip akan serumpun kedua-dua negara boleh dijadikan suatu visi bersama untuk membangun kesejahteraan bersama kedua-dua negara.

Kedua kajian di atas hampir sama membahas berkenaan dengan hubungan Malaysia-Indonesia yang sama-sama membincangkan tentang hubungan Malaysia-Indonesia adalah serumpun. Namun, kedua-dua kajian ini berbeza dalam penggunaan akan pendekatan untuk melihat hubungan kedua-dua negara ini, pengkaji pertama menggunakan pendekatan *Historigrafi* sedangkan pengkaji kedua menggunakan pendekatan *konsep kekerabatan*. Implikasi kedua kajian ini mengarah kepada hubungan positif yang moden dan juga hubungan masa yang panjang antara kedua negara dengan harapan memandangkan kembali asas hubungan kedua negara iaitu negara serumpun, iaitu berdasarkan kesamaan budaya, bahasa, dan agama dan adanya ikatan keluarga yang masih sangat jelas terlihat. Tambah lagi bahawa negara yang begitu istimewa ini yang sangat dikenal dengan istilah abang-adik dan kawan dalam suka dan duka.

Masih tulisan yang berkenaan dengan serumpun iaitu tulisan Abubakar Eby Hara (2008) membincangkan tentang kesenjangan antara Malaysia-Indonesia pada masa sekarang. Membincangkan Kesenjangan akan identiti negara yang berubah disebabkan tuntutan hukum globalisasi. Untuk mengukur kesenjangan ini pengkaji, menggunakan identiti kolektif dan hubungan dua hala yang dikemukakan oleh Wendt A 1999, iaitu terdapat empat bahagian *Interdependence, Common Fate, Homogeneity dan Self-restraint*. Dari perkembangan pemahaman tentang empat

identiti kolektif antara Malaysia-Indonesia menunjukkan kesenjangan yang makin besar. Ia terlihat perbezaan akan pemahaman akan konsep serumpun, Indonesia masih memahami Malaysia dalam konsep serumpun yang memiliki banyak kesamaan budaya, sejarah dan keluarga. Namun, Malaysia memahami konsep serumpun sebagai alat diplomasi apabila kedua negara tengah dihadapkan masalah. Namun, dalam penyelesaian persoalan-persoalan kedua negara lebih kepada perkongsian bijak. Kesenjangan dan juga persaingan antara kedua negara serumpun dalam menghadapi dunia global ini sememangnya negara mesti lebih cerdik dan menggunakan konsep serumpun pada masa moden ini. Kedua negara pada masa yang sama memerlukan peraturan-peraturan yang terbuka, atau mengikuti aturan *good governance* dan prinsip-prinsip global lainnya.

Adapun penulisan daripada Linda (2011) mengungkapkan bahawa hubungan Malaysia-Indonesia semakin kompleks, kerana setiap isu konflik ia sering difahami dan dilihat secara emosional. Beliau membincangkan perjalanan hubungan Malaysia-Indonesia iaitu hubungan kerajaan-kerajaan Melayu pada masa dahulu, sehingga kedatangan bangsa-bangsa barat terutama Belanda dan Inggeris. Ini sampai kepada perjanjian 1824 yang dikenal dengan *Treaty of Commerce and Exchange Between Great Britain and Netherland* ia merupakan awal pemisahan politik antara Tanah Melayu dengan Indonesia (Tate, 1977:119-121). Pada waktu yang sama iaitu merupakan jajahan British keatas Tanah Melayu dan jajahan Belanda atas wilayah kepulauan Indonesia, selanjutnya memberikan pengalaman berbeza bagi kedua bangsa ini. Masa awal kedua-dua ini merdeka, kedua-dua negara telah menghadapi cabaran iaitu konfrontasi. Namun, konfrontasi diselesaikan dengan adanya perjanjian persahabatan antara kedua-dua negara Malaysia-Indonesia. Dari pasang-surut hubungan kedua negara ini, beliau dalam tulisannya mengungkapkan hubungan kedua negara serumpun ini semestinya memiliki hubungan yang lebih terbuka dalam menangani permasalahan baik permasalahan di dalam maupun luar. Walau bagaimanapun, juga kedua-dua negara mesti mengikuti peraturan dunia global apabila ingin negaranya maju dan tidak tertinggal oleh negara lain termasuk juga negara tetangga dan juga serumpun.

Tulisan-tulisan di atas memberi maksud bahawa hubungan kedua negara ini sememang berasal daripada rumpun yang sama, dari satu induk yang sama. Namun, dalam dunia moden kedua-dua negara semestinya memiliki strategi dalam menangani berbagai-bagai permasalahan dalam negaranya. Konsep negara serumpun boleh menjadi permasalahan bagi kedua-dua negara apabila tidak memberikan posisi yang tepat. Ini kerana, dalam dunia global terdapat persaingan besar antara negara. Ini merupakan hukum asas bagi setiap negara yang ingin negaranya maju, dalam persaingan global ini tidak mengenal konsep serumpun. Kecuali dalam menangani permasalahan internal dua negara serumpun, barulah konsep serumpun digunakan.

Perbincangan-perbincangan yang berkaitan dengan hubungan serumpun antara Malaysia-Indonesia ini sememang telah memberikan makna bahawa kedua-dua negara ini semestinya menggunakan konsep serumpun dengan lebih kolektif, sebab hubungan dalam dunia global tidak mengenal adanya konsep serumpun. Dunia pada masa sekarang telah memaksa kita untuk berpikir dan bertindak dengan lebih cepat dan juga cerdas dalam kolektif memilih kawan untuk bekerjasama.

Selain hubungan pada peringkat makro, hubungan atau kerjasama peringkat mikro adalah juga penting. Terdapat dalam kajian Sony Sudiar (2011) yang membincangkan hubungan kedua-dua negara ini pada peringkat mikro. Sony Sudiar mengkaji tentang hubungan kerjasama dua negara pada peringkat daerah. Bentuk kerjasama ini di kenal dengan Sosek Malindo, iaitu kerjasama dalam sosial dan ekonomi antara Malaysia-Indonesia. Kerjasama ini telah terjalin sejak 1995 dan masih berjalan hingga hari ini. Tujuan daripada kajian ini iaitu untuk menjelaskan *rezim implementasi* hasil kesepakatan Sosek Malindo dan juga berupaya untuk mengukur derajat kepatuhan (*compliance*) kerjasama Sosek Malindo di tingkat daerah Provinsi Kalimantan Timur-Negeri Sabah. Bagi mencapai tujuan ini, pengkaji menggunakan teori Rezim Internasional dan Compliance. Teori *Rezim Internasional* di gunakan untuk menjelaskan dinamika perjanjian kerjasama Sosek Malindo dan teori *Compliance* di pakai untuk mengukur derajat kepatuhan dari masing-masing pihak yang membuat kesepakatan dan difungsikan untuk menganalisis prosedur

atau mekanisme dan strategi pengelolaan kesepakatan. Kajian ini banyak membincangkan tentang kerjasama antara Malaysia-Indonesia terutama kerjasama Sosek Malindo dan ia dibincangkan dalam awal kerjasama ini terbentuk iaitu 1995. Beliau mendapati bahawa rezim perjanjian kerjasama Sosek Malindo telah gagal dalam menciptakan mekanisme *compliance*. Ia dipengaruhi oleh keterbatasan wewenang aktor, faktor kepentingan, serta strategi pengelolan rezim perjanjian Sosek Malindo yang tidak menggunakan metode persuasif.

Walaupun hasil kajian Sony Sudiar telah mengatakan bahawa kerjasama Sosek Malindo ini telah gagal dalam mentaati kepatuhan terhadap apa yang telah disepakati bersama, namun adanya kerjasama ini bagi pengkaji merupakan satu bentuk hubungan yang positif bagi kedua-dua negara. Wujudnya Pos Lintas Batas (PLB) pada kawasan persempadan meritim dan darat kedua-dua negara, merupakan hasil daripada kerjasama Sosek Malindo. Walaupun kerjasama ini terlihat lambat dalam mewujudkan apa yang telah menjadi kesepakatan mahupun apa yang jadi harapan. Namun, wujudnya kerjasama ini adalah sebuah perhatian daripada pemimpin kedua negara kepada wilayah persempadanannya.

Selain daripada melihat kepada kerjasama kerajaan-kerajaan kedua-dua wilayah ini, terdapat banyak kajian mengenai komuniti sempadan antara Malaysia-Indonesia. Salah satunya iaitu kajian Noor Rahamah *et al.* (2012) yang membincangkan hubungan antara komuniti Malaysia dan komuniti Indonesia yang berada di sempadan kedua-dua negara. Kajian ini membincangkan aktiviti dagangan yang dijalankan di Serikin, Sarawak dan bagaimana hubungan perniagaan ini membantu memberikan kesejahteraan hidup kepada komuniti di sempadan dua buah negara ini. Dengan menggunakan pendekatan keusahawanan, pendekatan ini dikatakan sesuai dalam kajian ini untuk menggambarkan keadaan hubungan kedua komuniti ini. Kedua komuniti yang berbeza kewarganegaraan ini sebenarnya masih memiliki hubungan darah dan sosial sejak lama sebelum pembentukan sempadan geopolitik moden diwujudkan. Sekalipun telah berbeza status kewarganegaraan, namun kedua komuniti ini menerusi hubungan melalui hubungan dagangan iaitu di pasar minggu Serikin, Sarawak. Para peniaga daripada Kalimantan Barat, Indonesia ini terlibat

dalam aktiviti keusahawanan sebagai pemiliki perniagaan kecil-kecilan di pasar minggu Serikin. Kajian ini mendapati bahawa keterlibatan komuniti Indonesia dalam aktiviti perniagaan di Pasar Serikin disebabkan oleh dua faktor iaitu faktor tarikan dan faktor tolakan. Berminat menjalankan perniagaan di Serikin di sebabkan oleh adanya peluang (*tarikan*) dan juga pengangguran di tempat asal (*faktor tolakan*). Pilihan untuk tetap kekal untuk menjalankan perniagaan di Serikin (peniaga Indonesia) merupakan gambaran wujudnya satu pola hubungan antara komuniti dikedua-dua sempadan. Angkubah ekonomi dan sosio budaya memberikan kesan yang kuat ke atas bilangan yang tinggi peniaga Indonesia menjalankan aktiviti perniagaan di sempadan Malaysia-Indonesia. Oleh kerana itu, pengkaji mengatakan bahawa hubungan dagangan dan sosial di sempadan Kalimantan Barat dan Serikin Sarawak telah mewujukkan kesejahteraan bersama antara kedua-dua komuniti.

Robert Siburian (2010), masyarakat Nunukan-Tawau dengan warganegara yang berbeza namun dalam realitinya saling memerlukan dan mengikat diri dengan cara kawin campur, oleh sebab itu kedua masyarakat ini memiliki hubungan kekeluargaan. Interaksi sosial dalam perkembangannya tidak lagi hanya batas kepada hubungan kekeluargaan atau kekerabatan namun sering di ikuti oleh kepentingan ekonomi. Contohnya, warga Kaltim yang berkunjung ke Sarawak dan Sabah bukan sekadar bermaklamat untuk silaturahmi namun juga turut menjual hasil pertanian. Dalam menanggapi keadaan ini, Siburian mengungkapkan tiga konsekuensi iaitu terjadinya interaksi sosial dan ekonomi antara masyarakat di Nunukan dan Tawau yang dapat menghasilkan nilai-nilai sosial dan ekonomi yang positif mahupun negatif. Kedua, masyarakat di kedua-dua daerah cenderung memiliki akar budaya yang sama sehingga semakin mengintensifkan interaksi sosial dan ekonomi itu. Ketiga, di antara mereka ada yang masih terikat dalam hubungan genealogis yang kental. Siburian juga mengatakan bahawa dalam bidang ekonomi di Nunukan tidak mengandalkan kekayaan sumber daya alam daripada Kalimantan Timur. Ini kerana Nunukan memiliki kelebihan tersendiri dalam bidang ekonominya seperti kedekatan dengan negara jiran telah memberikan erti dan keuntungan tersendiri kepada wilayah ini. Menjadi persoalan dalam tulisan ini iaitu mengapa

dinamika ekonomi masyarakat Nunukan lebih menonjol dibandingkan daerah lain yang sama berada di sempadan antarabangsa.

Bagi menjawab soalan ini, Siburian membincangkan lima dinamika ekonomi masyarakat di Nunukan iaitu; pertama, membandingkan Nunukan dengan provinsi Kaltim, untuk mengetahui apakah aktiviti ekonomi dan kemajuan yang di capai oleh masyarakatnya bergantung pada “kebaikan hati” Provinsi Kaltim atau tidak. Kedua, menjelaskan saling pengaruh antara dua kota sempadan iaitu Nunukan dan Tawau. Ketiga, menjelaskan keadaan Nunukan yang tumbuh sebagai kota perdagangan dan jaga. Keempat, menjelaskan posisi perdagangan antara Nunukan dan Tawau. Kelima, menjelaskan aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat yang tinggal di Nunukan sebagai wilayah sempadan.

Hasil bumi khususnya minyak bumi, gas alam, dan hasil hutan yang di miliki Kalimantan Timur ternyata tidak menyentuh seluruh wilayah sempadan Kalimantan Timur termasuk Nunukan. Faktor daripada pertumbuhan ekonomi di Nunukan ini kerana letaknya yang strategi di Selat Makasar dan di dukung dengan keberadaan pelabuhan laut. Pelabuhan laut ini dapat disinggahi oleh kapal-kapal besar. Ia merupakan jalur keluar-masuk para TKI menuju ke Malaysia. Sebagai wilayah yang berdekatan, Nunukan-Tawau memiliki aktiviti ekonomi yang tidak hentinya sepanjang harinya ia dapat dilihat dalam aktiviti seperti berniaga barang, jasa angkutan darat dan laut, pertukaran wang Ringgit atau Rupiah, sampai kepada pengerahan jasa tenaga kerja. Selain itu, Nunukan merupakan kota perdagangan dan jasa, Nunukan di kenal dengan kota transit kerana untuk menggapai ke Tawau, warganegara Indonesia yang berada di bandar lain mesti melalui Nunukan terlebih dahulu.

Ini merupakan dinamika ekonomi yang berada di Nunukan-Tawau, dimana ia telah melibatkan dua wilayah yang berbeza negara. Tetapi, memiliki hubungan yang saling mempengaruhi dan saling menguntungkan. Tidak ada masalah antara kedua wilayah ini terlebih kepada hubungan ekonomi. Bahkan hubungan kedua wilayah ini telah memberikan kesan yang positif semasa krisis ekonomi melanda Asia pada tahun 1999. Selain itu, wilayah ini semakin bertambah aktif dalam hal